

## KHUTBAH JUMAAT

### "PERGAULAN TERJAGA KEHORMATAN TERPELIHARA" (5 Mac 2021M/ 21 Rejab 1442H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى إِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ  
وَأَمْتِنَانِهِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الدَّاعِي إِلَى رِضْوَانِهِ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
وَإِخْوَانِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar, menghayati dan mengambil iktibar daripada khutbah minggu ini bertajuk :**“Pergaulan Terjaga Kehormatan Terpelihara”**.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Syariat Islam tidak melarang pergaulan antara lelaki dan wanita asalkan mengikut lunas dan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh

syarak. Malah Islam menggalakkan pergaulan yang sihat dan membuahakan manfaat.

Sesungguhnya, cara bergaul itu adalah lambang ketinggian sahsiah. Dalam suasana apa pun seseorang itu berada, dia tetap memiliki prinsip dan pegangan agar pergaulan berlaku dengan sihat, terhindar daripada fitnah dan sekaligus dihormati oleh orang lain.

Dalam memelihara batas-batas pergaulan, Allah *subhanahu wata'ala* menyuruh lelaki dan perempuan agar masing-masing merendahkan pandangan mereka apabila bertemu ataupun berselisih jalan dan tidak bebas bergaul antara keduanya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah an-Nur ayat, 30 – 31 yang bermaksud:

*“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. yang demikian itu lebih suci bagi mereka; Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka ...”*

Sedangkan pandangan mata sahaja pun Islam sudah mengajar umatnya dari kalangan lelaki dan perempuan yang bukan mahram agar mengawalinya, apatah lagi perbuatan yang lebih daripada itu dengan tanpa batasan seperti berbual-bual mesra, keluar bersama-sama, berpegang-pegangan tangan dan sebagainya. Tegasnya, perkara seumpama itu hanya akan meletakkan diri seseorang itu dalam keadaan berdosa dan boleh menjerumuskan dirinya ke dalam perzinaan. Firman Allah dalam surah al-Isra' ayat 32 :

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّوْجَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

**Maksudnya:** *Dan janganlah kamu menghampiri zina, Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*

Hadis daripada Sayyidina Umar bin al-khattab *radhiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

*((Janganlah bersunyi-sunyian (berkhalwat) seseorang lelaki dengan seseorang perempuan, kerana sesungguhnya syaitan bersama-sama mereka".))*

*(Hadis riwayat Imam Ahmad dan Imam al-Baihaqi).*

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Usaha perlu dilakukan agar masyarakat kita kembali menghayati dan mempraktikkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian mereka. Sesungguhnya yang wajib pada demikian itu ialah

bersama-sama dalam kebaikan, saling bantu membantu di atas kebajikan dan taqwa dalam lingkungan batasan-batasan yang telah digariskan oleh prinsip Islam.

Peranan ibu bapa dalam hal ini amatlah besar walaupun kemungkinan anak sudah dewasa dan bekerja. Mereka boleh menziarahi anak-anak untuk mengetahui tempat tinggal dan mengenali teman serumah anak-anak mereka. Di samping mengukuhkan hubungan kekeluargaan, dapat juga membantu menguatkan anak-anak daripada terjebak dengan perbuatan yang mungkar.

Selalulah berhubung dengan anak-anak agar mereka merasa diambil berat atau diperhatikan walaupun ketika berjauhan. Lebih-lebih lagi ibu bapa perlu bertanggungjawab terhadap anak dan dipersoalkan terhadap segala tingkah laku mereka selagi mereka belum berumah tangga.

Antara perkara penting yang perlu diambil tindakan oleh setiap ahli keluarga ialah mencegah daripada berlakunya kemungkaran dalam rumahtangga. Ketua keluarga khususnya hendaklah memastikan ahli keluarganya melaksanakan kewajipan sebagai seorang muslim dan muslimah. Perbuatan melalaikan solat, mendedahkan aurat, dan mendedahkan bentuk tubuh badan melalui media sosial seperti facebook, twitter, instagram, whatsapp dan sebagainya mesti dicegah sebelum parah. Pendekatan berdiam diri oleh ahli keluarga hanya akan menyebabkan kemurkaan Allah *subhanahu watala'ala*.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Antara penghayatan yang boleh dijadikan pedoman melalui khutbah pada hari ini ialah:

**Pertama** : Umat Islam hendaklah mematuhi hukum dan batas-batas pergaulan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah dan umat Islam hendaklah menjauhi pergaulan bebas yang diharamkan dalam Islam.

**Kedua** : Umat Islam hendaklah mendidik anak-anak dengan ilmu-ilmu agama yang sempurna supaya mereka dapat mematuhi batas-batas syarak dalam aspek pergaulan.

**Ketiga** : Setiap individu muslim wajib mencegah kemungkaran sama ada dengan kuasa dan pengaruh yang dimiliki, kata-kata nasihat dan teguran atau dengan membenci maksiat di dalam hati dan berdoa hidayah untuk pelakunya.

**Keempat** : Umat Islam hendaklah menerima setiap teguran dengan hati yang terbuka dan ikhlas dan janganlah bersikap sombong, ego dan angkuh.

**Kelima** : Masyarakat setempat perlu menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dalam mencegah dan melaporkan perkara-perkara yang tidak bermoral.

Akhirnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 71:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ  
عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ  
أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

**Maksudnya:** Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri

kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا  
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ  
الْبَلَاءِ عَافِيَةً. اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ  
وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.